



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

**“WAKAF TUNAI: KE ARAH MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN EKONOMI UMMAH”**  
13 Mei 2022 / 12 Syawal 1443

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الْقَائِلِ

﴿لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾﴾

Bermaksud: Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan (yang sempurna) sehinggalah kamu infakkan sebahagian dari apa yang kamu sayangi, dan apa jua yang kamu infakkan itu, maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.

(Ali Imran, ayat 92)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah**

Marilah kita tingkatkan iman dan takwa ke hadrat Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi segala larangan Nya. Semoga keimanan dan ketakwaan kita terus subur dalam jiwa dan sanubari sehingga saat kita kembali ke hadrat Nya yang Maha Esa. Sempena pelancaran Program Waqaf 365 oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak pagi tadi, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk ‘WAKAF TUNAI: KE ARAH MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN EKONOMI UMMAH’

Berwakaf ialah amalan yang terpuji. Harta yang diwakafkan akan terus memberi manfaat walaupun pewakaf sudah berada di alam abadi selepas mati. Sabda Nabi SAW;

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ: مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ  
أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Bermaksud: Apabila mati seorang manusia, terputuslah segala amalannya melainkan tiga perkara iaitu sedekah jariah atau ilmu yang bermanfaat atau doa anak yang soleh.

(Riwayat Muslim No 1631)

Wakaf bermaksud menahan sesuatu harta, dan menyerahkan sepenuhnya harta tersebut pada jalan Allah, untuk diberikan manfaatnya kepada masyarakat, dengan dikekalkan harta asalnya. Syariat wakaf ialah syariat yang unik. Sejarah membuktikan syariat wakaf telah mengangkat martabat ummah. Wakaf telaga “ar Rumah” oleh Sayidina Usman bin ‘Affan RA membolehkan penduduk Muslimin di Madinah menikmati bekalan air bersih secara percuma sehingga ke hari ini. Universiti al Azhar, yang telah melahirkan ribuan cendekiawan, ialah universiti yang dibiayai penubuhannya melalui dana wakaf. Di negeri Perak, antara wakaf terawal ialah wakaf diraja Duli Yang Maha Mulia Sultan Idris Murshidul'adzam Shah (Marhum Rahmatullah), Sultan Perak yang ke-28 yang membolehkan Masjid Ridzuaniah Kuala Kangsar dibina pada tahun 1915. Kini, ratusan masjid, surau, dan madrasah di negeri Perak telah dibina melalui sumber wakaf, termasuk pembinaan sekolah agama rakyat, maahad tahfiz, dan sekolah pondok.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Dana wakaf tidak terhad digunakan untuk membiayai program-program berunsur keagamaan dan pendidikan sahaja, bahkan dana wakaf boleh dibelanjakan untuk membiayai pelbagai program pembangunan ekonomi, perdagangan, kemasyarakatan, kesihatan, latihan, keselamatan, dan program-program yang memberikan manfaat kepada ummah asalkan tidak bercanggah dengan syariat. Harta wakaf dalam pelbagai sektor boleh dimajukan untuk kemaslahatan dan kepentingan ummah; justeru itu, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak selaku pemegang amanah tunggal bagi semua harta wakaf yang terletak dalam negeri Perak, telah mengorak langkah, melaksanakan pelbagai program wakaf yang berdaya maju. Antara projek wakaf terbaharu di negeri Perak yang telah berjaya dilaksanakan oleh MAJLIS ialah membangunkan Pusat Hemodialisis bernilai hampir tiga juta ringgit, terletak di kawasan Masjid Sultan Alang Iskandar Shah, Kampung Dato' Seri Kamaruddin Seri Manjung. Pusat ini dibina melalui dana wakaf orang ramai dan badan korporat dan kini berupaya memberikan perkhidmatan hemodialisis kepada lebih 30 orang pesakit buah pinggang setiap hari.



Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak juga membantu usaha pembinaan kediaman asrama pelajar Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) di Kuala Kangsar bernilai lima belas juta ringgit. Pembinaan asrama pelajar tersebut dibiayai dengan gabungan wang zakat dan wakaf. Terdapat juga dua buah ladang kelapa sawit milik Majlis Agama Islam, di Sungkai, dan di Sungai Siput seluas hampir 7,000 ekar, yang hasil keuntungan tanaman daripada dua ladang tersebut disalurkan kepada dana yang dikhususkan untuk saraan masjid dan Sekolah Agama Rakyat (SAR) dalam Negeri Perak.

### **Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Wakaf wang tunai menawarkan peluang terbaik untuk membolehkan setiap orang umat Islam menyertai program wakaf. Walaupun tidak memiliki tanah atau bangunan untuk diwakafkan, wakaf wang tunai membolehkan setiap orang umat Islam berwakaf meski dengan hanya satu ringgit. Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke-209, bertarikh 22 Ogos 2016 telah menetapkan berwakaf dalam bentuk wang tunai, dibolehkan dan dibenarkan untuk dilaksanakan bagi tujuan kebajikan dan kemaslahatan umat Islam.

Wakaf secara wang tunai bukan sahaja memberikan peluang lebih ramai umat Islam melakukan ibadah wakaf, namun insyaallah dengan sokongan, sambutan dan penyertaan umat Islam, akan membolehkan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak menghimpunkan dana wakaf yang lebih besar. Dana wakaf yang berjaya dikumpulkan lebih besar akan dapat dijadikan modal membantu Majlis untuk membangunkan tanah-tanah wakaf yang kini terbiar disebabkan kekurangan dana untuk dibangunkan. Hakikatnya, pada ketika ini, hasrat ramai pewakaf supaya tanah-tanah mereka dapat dimanfaatkan untuk kebajikan umum tidak dapat direalisasikan, disebabkan banyak aset wakaf yang belum dimajukan kerana kekurangan dana.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah**

Mimbar menyeru kaum Muslimin agar menyokong usaha menjayakan program wakaf tunai dengan berwakaf menerusi pelbagai kaedah yang disediakan termasuk melalui sistem potongan gaji bulanan. Maklumat lanjut, mengenai kaedah berwakaf boleh diperoleh melalui laman sesawang dan media sosial rasmi WaQaf 365 atau merujuk ke pejabat Baitulmal dan masjid yang terdekat. Dengan sokongan dan semangat berwakaf para Muslimin, insyaallah wakaf tunai yang berjaya dikumpulkan nanti,



akan diurus dengan sebaik mungkin, bertujuan membangunkan pelbagai projek wakaf yang mempunyai nilai keupayaan pulangan ekonomi yang tinggi. Semoga melalui projek-projek pembangunan wakaf secara lebih dinamik, ekonomi ummah berjaya diperkasakan.

Antara pengajaran dan penghayatan yang boleh disimpulkan daripada khutbah pada hari ini ialah:

**Pertama:** wakaf ialah syariat yang unik yang berupaya memperkasakan pembangunan ummah. Ia memberi manfaat duniawi dan ukhrawi kepada pewakaf.

**Kedua:** Amalan wakaf tunai membuka peluang kepada setiap individu Muslim melakukan ibadah wakaf walaupun tidak memiliki harta berbentuk tanah atau bangunan.

**Ketiga:** Dengan semangat dan sokongan umat Islam, wakaf tunai yang berjaya dikumpul akan menjadi dana lebih besar yang boleh dijadikan modal membantu membangunkan projek-projek wakaf yang lebih dinamik untuk manfaat ummah.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا دَائِمًا أَبَدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar kita tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Kekalkanlah persaudaraan sesama Muslimin. Makmurkanlah rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutamanya solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

قَالَ اللَّهُ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ  
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي  
الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ  
وَالْحِكْمَةَ، وَتَبِّئْتَهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!**, muliakan kami dengan takwa dan istiqamah. Bukakan pintu hati kami untuk beristiqamah dalam berwakaf di jalan Mu ya Allah, demi kebaikan dan kemaslahatan umat Muslimin keseluruhannya.

**Ya Razzaq**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan fuqara dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali Wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman dan hati kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Qahhar Ya Jabbar!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah, jujur dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ  
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَابْتِغَىٰ لِعَظْمِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ  
عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.